

# Suhaili diramal jadi Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan

UM 2 DEC 1999

KOTA KINABALU 11 Dis. — Kekongsongan jawatan Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dalam barisan kabinet Pusat yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad semalam menjadi tanda tanya.

Bagaimanapun desas-desus bahawa Ahli Parlimen Labuan, Datuk Suhaili Abdul Rahman akan mengisi jawatan itu sedang bertiup kencang di negeri ini.

Pada pengumuman barisan kabinet Pusat semalam, semua kementerian mempunyai menteri dan timbalan menteri kecuali Kementerian Pembangunan Usahawan yang tidak mempunyai timbalan menteri tetapi mempunyai Setiausaha Parlimen.

Suhaili dikatakan layak dan sesuai untuk mengisi jawatan itu yang dianggap salah satu kementerian yang berperanan penting dalam menggerakkan fungsi usahawan tempatan.

Selain itu antara faktor kuat beliau disebut-sebut mengisi jawatan itu kerana pencapaian cemerlang beliau dalam bidang keusahawanan di negara ini.

Selain itu Wilayah Persekutuan yang mempunyai 11 kawasan Parlimen termasuk Labuan hanya diwakili oleh dua calon UMNO yang mengisi jawatan timbalan menteri iaitu Datuk Suleiman Mohamed (Kementerian Kesihatan) dan Datuk Shahrizat Jalil (Jabatan Perdana Menteri).

Manakala dua lagi calon bukan dari UMNO turut mengisi jawatan timbalan menteri iaitu Dr. Tan Kee

Wong (Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi) dan Datuk Tan Chai Ho (Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia).

Bagaimanapun Suhaili menang di Parlimen Labuan dengan majoriti tertinggi berbanding calon UMNO lain di Wilayah Persekutuan. Beliau menang dengan majoriti 6,515.

Bersandarkan majoriti tinggi ini menguatkan lagi desas-desus beliau layak mengisi jawatan timbalan menteri di kementerian itu selain faktor perlunya ada wakil dari pulau tersebut yang selama ini dikuasai oleh BN sejak tiga penggal lalu.

Suhaili, 38, merupakan pemegang ijazah Pengurusan Perniagaan (MBA) dari Universiti of Hull, United Kingdom selain ahli Fellowship Institut Pengurusan Kewangan UK.

Anak jati Pulau Labuan ini mempunyai daya kepimpinan yang boleh diterima rakyat dan kini memegang jawatan Bendahari BN Wilayah Persekutuan.

Sementara itu, Suhaili gagal dihubungi bagi mendapatkan ulasan berhubung perkara itu.

Pada masa ini menteri dan Setiausaha Parlimen di Kementerian Pembangunan Usahawan masing-masing disandang oleh Datuk Nazri Tan Sri Aziz dan Rizalman Abdullah.

Sebelum ini kementerian itu mempunyai menteri dan timbalan menteri yang dipegang masing-masing oleh Datuk Mustapha Mohamed dan timbalannya Datuk Idris Jusoh, tanpa Setiausaha Parlimen.